

11 MAY 2000  
Umno-Presiden  
MAHATHIR DISAH PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini disahkan sebagai presiden Umno bagi sesi 2000/2003.

Beliau telah menjadi presiden Umno yang kelima sejak 1981.

Pengesahan jawatan tertinggi Umno itu diumumkan oleh pengerusi jawatankuasa pemilihan parti Tan Sri Kamarul Ariffin semasa memulakan urusan pemilihan parti pada perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir, yang memperolehi 162 pencalonan bagi jawatan presiden parti setelah secara tidak rasmi menang tanpa bertanding setelah kesemua 165 bahagian Umno selesai mengadakan mesyuarat perwakilan pada bulan lepas.

Beliau sebenarnya memperolehi 164 pencalonan tetapi berikutan keputusan Majlis Tertinggi (MT) menolak pencalonan bahagian Gua Musang dan menggantung bahagian Bandar Tun Razak, bilangannya kurang dua pencalonan.

Cuma bahagian Tanah Merah tidak mencalonkan beliau sebagai presiden sebaliknya mencalonkan ketua perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Mahathir, 74, dipilih sebagai naib presiden parti pada 21 Jun 1975, dan ketua bahagian Kubang Pasu sejak 1978 hingga sekarang.

Pada tahun 1978, beliau menang tanpa bertanding jawatan timbalan presiden dan menang tanpa bertanding jawatan presiden pada tahun 1981.

Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri keempat pada 16 Julai 1981.

Beliau dilantik sebagai Menteri Pendidikan pada tahun 1974 dan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1977.

Dr Mahathir berjaya mengekalkan jawatan presiden selepas menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah dengan majoriti 43 undi pada pemilihan parti, 24 April 1987.

Pada 16 Feb 1988, Dr Mahathir menjadi presiden penaja Umno Baru, apabila Umno lama diisytiharkan haram oleh mahkamah pada 14 Feb tahun yang sama.

Dr Mahathir disahkan sebagai presiden Umno Baru pada perhimpunan agung khas 13 April 1988.

Dr Mahathir mengekalkan jawatan sebagai presiden Umno dalam pemilihan parti pada 1990, 1993, 1996 dan pada pemilihan tahun ini.

-- BERNAMA  
AFY/ZKS LAT